

**TEKS UCAPAN PERASMIAN DAN PENUTUPAN**

**PROF. DATUK DR. D KAMARUDIN D MUDIN  
NAIB CANSOLOR  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**SEMINAR BENCANA ALAM 2017 (BENCANA 2017)**

**23 OKTOBER 2017 (ISNIN) | 7:00 MALAM  
ORKID BALLROOM, PROMENADE HOTEL, KOTA KINABALU**

## **Salutasi (akan dimuktamadkan semula)**

Yang Berbahagia Datuk Mior Sallehuddin Bin Mior  
Jadid, Presiden Institut Geologi Malaysia (IGM)

Yang Berusaha Encik Abd. Rasid Jaapar,  
Presiden Persatuan Geologi Malaysia

Yang Berusaha Profesor Dr. Baba Musta,  
Dekan Fakulti Sains dan Sumber Alam, UMS

Yang Berusaha Profesor Dr. Felix Tongkul,  
Pengarah, Pusat Kajian Bencana Alam, UMS

Yang Berusaha Dr. Rodeano Roslee,  
Pengerusi Seminar Bencana Alam 2017

Pegawai-pegawai Utama dan Kanan Universiti

Pembentang Ucaptama, Profesor, Ahli Jawatankuasa Penganjur Bersama, Felo Penyelidik Pusat Kajian Bencana Alam (NDRC), para pembentang, peserta seminar dan para hadirin sekalian.

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurnia-Nya kita dapat dipertemukan di Seminar Bencana Alam 2017 atau singkatannya BENCANA 2017 yang merupakan kesinambungan penganjuran seminar BENCANA 2015 dua tahun lalu. Syabas dan tahniah diucapkan atas kerjasama penganjuran Pusat Kajian Bencana Alam UMS, Institut Geologi Malaysia, Persatuan Geologi Malaysia, Razi Publishing dan GPS Land serta,

Jawatankuasa Pelaksana atas usaha gigih dan dedikasi dalam memastikan kelancaran seminar ini.

### **Hadirin Hadirat yang dihormati sekalian**

Mutakhir ini negara kita kerap dilanda pelbagai bencana alam seperti gempa bumi, tanah runtuh, banjir dan ribut yang telah mengakibatkan banyak kehilangan nyawa serta kemusnahan harta benda,

dan tanaman bernilai ratusan juta ringgit. Terkini, kejadian ribut kesan daripada taufan Lan yang melanda timur Filipina menyebabkan angin kuat dan hujan lebat melanda negeri Sabah mengakibatkan berlakunya banjir dan tanah runtuh. Tanah runtuh dan banjir bukan sahaja merosakkan harta benda tetapi merugikan negara dari segi ekonomi bila kerja harian dihalang untuk dilaksanakan.

Untuk memastikan bencana alam ini dapat dikurangkan, penyelidikan multidisiplin untuk mengetahui punca, kesan serta mitigasi ke atasnya perlu dipergiatkan. Hasil penyelidikan perlu dikongsi bersama agar ia dapat memberi manfaat dan ditambah nilai oleh penyelidik-penyelidik yang berkenaan.



Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Pusat Kajian Bencana Alam, iaitu salah satu pusat kecemerlangan penyelidikan universiti, sentiasa bersedia memberi khidmat nasihat kepada kerajaan dalam pengurusan bencana alam negara. Pengurusan UMS akan terus memperkasakan Pusat Kajian Bencana Alam dari segi tenaga pakar yang sesuai dan peruntukan kewangan penyelidikan yang mencukupi agar dapat melaksanakan tugas yang telah diamanahkan.

Saya percaya, menerusi penganjuran program ini, para penyelidik dapat berkongsi maklumat hasil penyelidikan yang terkini dalam pelbagai aspek berkaitan bencana di samping memberi peluang kepada para peserta untuk berbincang, bertukar maklumat dan idea dan seterusnya membantu mewujudkan jaringan kerjasama dalam apa jua bidang yang berkaitan dengan bencana selaras dengan objektif seminar ini.

Saya berharap agar seminar ini telah menyediakan platform yang sesuai bagi tujuan tersebut khususnya bagi negeri Sabah yang berisiko tinggi untuk berhadapan dengan bencana ini pada masa-masa akan datang. Saya turut dimaklumkan, ramai penyelidik tersohor dalam negara seperti Prof. Dr. Felix Tongkul, pakar gempa bumi dan tsunami, Prof. Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Komoo, pakar tanah runtuh dan pembangunan lestari, Prof. Dr. Zulkifli Yusop, pakar banjir dan,

Prof. Dr. Fredolin Tangang, pakar perubahan iklim terlibat dan akan berkongsi kajian mereka sepanjang seminar ini berlangsung. Kehadiran mereka sudah tentu memberi semangat dan dorongan kepada penyelidik-penyelidik muda khususnya untuk mempergiatkan lagi usaha penyelidikan yang mengkhusus kepada bencana alam.

Saya pasti, penguasaan penyelidikan dalam bidang ini akan dapat membantu kerajaan mengurus dan mengawal bencana alam yang berlaku dengan lebih berkesan dan memberikan impak besar terhadap kesejahteraan rakyat seluruhnya.

**Hadirin Hadirat sekalian,**

Adalah menjadi harapan pihak universiti dan kerajaan agar kekerapan menganjurkan program sebegini dapat memperkasakan lagi bidang penyelidikan dan kerjasama antara pihak-pihak yang berkepentingan dalam menangani isu-isu bencana alam agar aspek kefahaman dan kesedaran pelbagai kejadian bencana alam yang sering melanda rantau ini dapat dipertingkatkan.

Selain itu, penyelidik juga mampu mencari penyelesaian yang sesuai untuk mengurangkan risiko bencana tersebut.

Sebelum mengakhiri ucapan ini, sekali lagi saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada semua yang menjayakan seminar ini sama ada secara langsung atau tidak langsung terutamanya kepada Jawatankuasa Pelaksana Seminar BENCANA 2017.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan dan menutup tirai **Seminar Bencana Alam 2017** ini. Semoga seminar ini dapat memberi manfaat kepada semua peserta dan pembentang.

Sekian, terima kasih.